

The background is a light gray gradient with several curved, overlapping bands of slightly different shades of gray. There are four registration marks (crosshairs) located at the top center, bottom center, left center, and right center of the page.

PERUTUSAN PENGERUSI



ASSALAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM SEJAHTERA

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua saya bagi pihak Lembaga Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), dapat membentangkan Laporan Tahunan LPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak dan warga kerja LPP yang telah menyumbang kepada kejayaan LPP sepanjang tahun 2009. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Y.B. Datuk Seri Noh bin Hj Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di atas dorongan, sokongan dan bimbingan yang diberikan sehingga LPP dapat terus maju membangunkan Pertubuhan Peladang dan ahlinya.

PRESTASI PEMBANGUNAN

Tahun 2009 merupakan tahun yang penting bagi LPP melaksanakan program-program pembangunan kerajaan kerana RMKe9 akan berakhir pada 2010. Sebagai agensi pelaksana yang diberi tanggungjawab untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian menerusi program-program pembangunan yang dirancang. LPP telah mengintegrasikan semua usaha tersebut melalui lapan program pembangunan utama.

Program-program yang telah dilaksanakan adalah program pengeluaran bahan makanan asas, program pembangunan peladang, program kemudahan pemasaran pertubuhan peladang, program perkhidmatan kejenteraan ladang, program ladang integrasi, program pemulihan ladang, program industri kecil dan sederhana serta program pembangunan usahawan peladang.



Sebanyak RM 38.18 juta disediakan oleh LPP dalam tahun 2009 bagi membiayai semua program tersebut bagi melaksanakan projek-projek pengeluaran bahan makanan asas yang meliputi komoditi padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan akuakultur. Melalui projek-projek tersebut LPP telah berjaya melahirkan seramai 9,737 orang usahawan peladang daripada 10,000 usahawan yang disasarkan dalam tempoh RMKe9.

Perkhidmatan sokongan pertanian merangkumi kemudahan pemasaran, kejenteraan ladang, perkhidmatan lepas tuai, penyediaan kemudahan peralatan dan sistem aplikasi *Information Communication Technology* (ICT) telah disediakan dan digunakan dengan sebaiknya. Program Pembangunan Modal Insan ke arah melahirkan anggota dan ahli-ahli peladang yang berpengetahuan dan berkemahiran terus dilaksanakan di mana sejumlah 188 program latihan anggota dan 166 program latihan ahli peladang yang melibatkan 10,363 orang telah dapat dilatih pada tahun 2009.

LPP juga berterusan melaksanakan program pengedaran bantuan baja di bawah Skim Bantuan Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) yang bernilai RM269.92 juta.

Disamping itu, LPP turut terlibat dalam melaksana Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBMN) yang bernilai RM434.5 juta iaitu pengedaran baja NPK tambahan, racun makhluk perosak, kapur dan bekalan jentera serta peralatan pertanian.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2009, LPP telah memperolehi pendapatan berjumlah RM238.14 juta. Sumber pendapatan terdiri daripada pemberian kerajaan untuk peruntukan mengurus berjumlah RM 146.63 juta, peruntukan pembangunan berjumlah RM 56.21 juta dimana geran pembangunan yang dilunaskan adalah berjumlah RM56.60 juta, pendapatan Institut Pengurusan Peladang (IPP) berjumlah RM5.71 juta, faedah atas simpanan dan pinjaman berjumlah RM 17.39 juta, yuran audit pendaftar berjumlah RM1.08 juta, sewa rumah kakitangan berjumlah RM0.90 juta, lebihan aset dilupuskan berjumlah RM0.19 juta, hutang ragu dicatat semula berjumlah RM4.64 juta dan pendapatan pelbagai berjumlah RM0.50 juta.



Perbelanjaan sebenar LPP bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM210.41 juta dan ianya terdiri daripada ganjaran kakitangan sebanyak RM109.53 juta, perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 47.31 juta, perbelanjaan lain berjumlah RM29.31 juta, susut nilai hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM14.62 juta, IPP sebanyak RM5.06 juta serta peruntukan dan hapus kira berjumlah RM4.58 juta.

PRESTASI PERTUBUHAN PELADANG

Pada tahun 2009, keseluruhan prestasi Pertubuhan Peladang (PP) menunjukkan peningkatan yang baik dimana modal saham PP terkumpul berjumlah RM 135.96 juta berbanding RM 117.18 juta pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 13.8 peratus. Aktiviti perniagaan berasaskan pertanian yang terdiri daripada (Pembekalan Input Pertanian dan pemasaran hasil pertanian) merupakan penyumbang terbesar kepada isipadu perniagaan Kumpulan PP yang berjumlah RM2.61 bilion. Dalam tahun 2009, nilai pembekalan input pertanian PP berjumlah RM700.35 juta dan pemasaran hasil pertanian ialah RM 449.55 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang 56 peratus kepada keseluruhan isipadu perniagaan Kumpulan PP di bawah penyeliaan LPP yang bernilai RM 2.61 bilion.

PENGHARGAAN

Dengan penuh takzim, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak bagi LPP melaksana dan menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan.



**TAN SRI HAJI ABU ZAHAR BIN
DATO' NIKA UJANG**
P.S.M, D.S.N.S, A.M.N
Pengerusi

Lembaga Pertubuhan Peladang